



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### KPWKM TURUN PADANG BANTU MANGSA BANJIR TERUSKAN KELANGSUNGAN HIDUP

**SEGAMAT, 23 Januari** – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini telah turun padang dan menyantuni kumpulan sasaran KPWKM bagi tujuan mendekati dan memberi sokongan untuk meneruskan kelangsungan hidup pasca bencana banjir baru-baru ini.

**“Program turun padang ini dilaksanakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di antara pemimpin setempat bersama golongan yang memerlukan serta membantu meringankan bebanan keluarga menerusi bantuan emosi dan sokongan moral kepada keluarga terlibat”,** ujar YB Datuk Seri Rina ketika menghadiri Program Turun Padang di Balai Raya Kampung Spang Loi, Segamat, Johor.

**“Program ini juga memberi peluang kepada KPWKM untuk membuat tinjauan keperluan dan tindakan intervensi yang perlu diambil oleh Kementerian untuk membantu keluarga yang terbabat untuk meneruskan kelangsungan hidup”,** tambah beliau lagi.

Melalui konsep *Whole of Society*, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah bekerjasama dengan beberapa syarikat korporat dalam memberi sumbangan 100 kotak bakul makanan, dapur gas dan tong gas kepada 126 mangsa banjir di kampung tersebut.

Dalam memberi bantuan emosi dan sokongan moral kepada mangsa-mangsa banjir, Kementerian turut menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang khusus seperti psikososial, pemeriksaan kesihatan secara percuma, program penglibatan remaja dan program advokasi kepada wanita seperti:

- Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS), YKN
- Sukarelawan Kaunselor Berdaftar, Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM)
- Kafeteen, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
- Pusat Keluarga Bergerak, LPPKN
- Skuad Wanita Anti Jenayah (WAJA), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Program turun padang ini turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) Dr. Hishamudin bin Mohd Hashim, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Puan Rosmahwati binti Ishak, Ketua Pengarah JPW Dr. Zurina binti Abdul Hamid, Ketua Pengarah LPPKN En Abdul Shukur bin Abdullah serta Ketua Pegawai Eksekutif YKN, Puan Nordina binti Haron.

**###**

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat**  
Yayasan Kebajikan Negara  
No. 55, Persiaran Perdana  
Presint 4, PUTRAJAYA

Tarikh dikeluarkan : 23 Januari 2022